



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2024

SUNGAI PETANI, 3 SEPTEMBER – YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini, telah menyempurnakan pelancaran Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Peringkat Negeri Kedah Tahun 2024 bertempat di Sekolah Kebangsaan Taman Seri Wang Sungai Petani, Kedah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), amat prihatin terhadap kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang semakin membimbangkan sehingga mendapat liputan meluas di media massa, elektronik serta media sosial. Di negeri Kedah pada tahun 2023, statistik JKM menunjukkan sebanyak 484 kes telah dilaporkan melibatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Manakala 285 kes telah dilaporkan pada Januari sehingga Jun 2024.

Dalam pada itu, kes buli siber dalam kalangan remaja juga dilihat semakin meningkat di negara ini. Laporan dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendedahkan berlaku peningkatan mendadak dalam kes buli siber, melalui gangguan dalam talian. Sehingga tahun 2024, SKMM telah menerima sejumlah besar aduan mengenai gangguan dalam talian. Sejak tahun 2020 sehingga bulan Julai tahun ini, terdapat 6,598 aduan berkaitan dengan buli dalam talian dan gangguan seksual telah direkodkan.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: K.A.S.I.H Kanak-Kanak yang dilaksanakan hari ini adalah bertujuan untuk menggerakkan semua anggota masyarakat serta kanak-kanak sendiri dalam memastikan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak sentiasa dipelihara dan hak mereka sebagai kanak-kanak dipenuhi iaitu dilindungi, dapat meneruskan kehidupan dalam suasana yang selamat, suara mereka didengari serta usaha membangunkan potensi diri mereka sebagai pelapis pemimpin masa depan negara.

Program ini turut melibatkan ceramah dan pameran agensi yang memberikan maklumat penting kepada masyarakat dan kanak-kanak, khususnya mengenai langkah-langkah yang perlu diambil jika terdedah kepada penderaan. Sebagai sebahagian daripada usaha memperkasakan kanak-kanak, program ini akan dilaksanakan di 300 buah sekolah di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2024.

KPWKM menyeru kepada orang ramai khususnya kanak-kanak, untuk memanfaatkan sistem **Talian Kasih 15999** atau **Whatsapp 019-2615999** sekiranya terdapat sebarang kes penderaan atau pengabaian yang melibatkan anggota masyarakat, komuniti khususnya kanak-kanak. Masyarakat juga boleh membuat aduan melalui **aplikasi mobil Talian Kasih** yang beroperasi 24 jam sehari tanpa henti.

Turut serta dalam majlis ini ialah, YBrs. Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat, YBhg. Dato' Zulkhairi bin Zainol Abidin Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah, pegawai-pegawai kanan KPWKM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
3 September 2024